



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03 - 2919011
Teleks : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR
Telefax : 03 - 2921202

Ruj.Kami:(12)dlm.JKR.KPKR.020.050/01

Tarikh: 16 Jun 1997

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR,
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri,
Pengarah Unit Perlaksanaan Projek Turnkey

Tuan,

Garis Panduan Lawatan Keluar Negeri Kerana Perolehan Kerajaan

Perkara di atas dan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 11/95 dan Pindaan Pertama kepada Surat Pekeliling tersebut bertarikh 14 Jun 1996 adalah dirujuk.


2. Mengikut Pindaan Pertama kepada Surat Pekeliling tersebut pembiayaan lawatan keluar negeri bagi semua jenis lawatan hendaklah ditanggung secara berasingan melalui peruntukan vot Jabatan yang dipohon dari Perbendaharaan. Tanggungan bagi lawatan keluar negeri melalui peruntukan dalam mana-mana kontrak bagi semua jenis perolehan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia. Dengan itu maka, mulai dari sekarang semua kontrak baru hendaklah mematuhi SPP tersebut dengan sepenuhnya.

3. Dalam kes-kes di mana kelulusan Perbendaharaan Malaysia seperti tersebut di atas telah diperolehi, pegawai-pegawai yang menyertai lawatan berkenaan hanya layak menuntut dan menerima bayaran dan kemudahan-kemudahan di bawah pembiayaan Kontraktor mengikut SPP Bil. 2/1992 atau/dan pindaan-pindaannya yang terkini, dan semua urusan penerimaan bayaran daripada Kontraktor hendaklah dibuat melalui Pegawai Penguasa atau Pengarah Projek dengan cara yang telus dan terkawal seperti yang diperuntukkan di dalam Kontrak berkenaan.

4. Bagi tujuan penyeragaman pelaksanaannya, satu garis panduan telah disediakan dan satu salinannya disertakan bersama-sama ini. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Penguin atau Pengarah Projek dan pegawai-pegawai yang terlibat sepenuhnya untuk memastikan Garis Panduan ini diikuti dalam urusan lawatan-lawatan yang berkenaan.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA & CINTAILAH BAHASA KITA "



(DATO' IR. HJ. OMAR BIN IBRAHIM)
Ketua Pengarah Kerja Raya,
Malaysia.

s.k. - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II.

"MEMUPUK KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN PELANGGAN"